Dalam pada itu, perang perdagangan yang dicetuskan Amerika Syarikat (AS) juga seakan-akan tidak memberi impak apabila terdapat 192 syarikat dari AS turut menyertai CIIE ke-2, sekali gus mengungguli carta berbanding dengan negara lain.

Sementara itu, Karnival "11.11" memberikan peluang dan platform kepada industri kecil dan sederhana seluruh dunia untuk meneroka pasaran China.

Menurut data besar, produk dari Jepun, AS, Korea Selatan, Australia dan Jerman mendapat permintaan tinggi daripada pembeli.

Pilihan produk pula, makanan pelengkap khasiat, pupur muka, susu formula bayi dan kosmetik sambutan paling hangat.

Ketika CIIE pertama di Shanghai tahun lalu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin memaklumkan Malaysia sedang berusaha mengeksport durian segar ke China. Kini, Musang King yang segar dapat dibeli di pasar raya dan platform e-dagang Tmall di China.

Pada tahun ini, 54 syarikat Malaysia menyertai CIIE ke-2 dan buat julung kali turut membuka kedai di platform Tmall yang menjual pelbagai produk tempatan.

Pihak berkuasa mengumumkan bahawa China akan mengimport barangan bernilai AS$30 trilion (RM125 trilion) serta perkhidmatan mencecah AS$10 trilion (RM41.8 trilion) dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Dr Ong Kian Ming selaku ketua rombongan Malaysia pada CIIE kali ini, turut mengulas, ia petanda penting yang perlu diberi perhatian oleh Malaysia.

Kejayaan CIIE dan Karnival "11.11" memperlihatkan, potensi pasaran besar dan kemampuan pembelian yang kuat di China.

Keazaman dan tindakan China untuk terus membuka pintu dan menyokong globalisasi ekonomi serta perdagangan bebas juga boleh dilihat dengan jelas, sekali gus membantu pertumbuhan ekonomi sejagat.

CHINA MEDIA GROUP

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

*Dasar Agromakanan Negara 2.0*

# Pelbagai inisiatif, hala tuju baharu

- Percepat proses pemodenan sektor agro makanan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru:** Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dijangka dapat menstruktur semula strategi mempercepat proses pemodenan, selain mengurus permintaan dan penawaran bekalan makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan akan terus memberi tumpuan dalam kerangka strategi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan penyediaan DAN 2.0 bagi tempoh 2021 hingga 2030.

Katanya, DAN 2.0 yang bakal dilancarkan pada 2021, akan meneruskan objektif dasar agro makanan sedia ada bagi menjamin keselamatan makanan dan meningkatkan sumbangan kepada pendapatan golongan sasar dan ekonomi negara.

"DAN 2.0 akan melaksanakan pelbagai inisiatif dan hala tuju baharu dalam tempoh 10 tahun seperti membangunkan input pertanian dalam semua subsektor agro makanan, menjadikan negara sebagai pengeluar utama buah tropika pada peringkat dunia dan memantapkan perkhidmatan pengembangan seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

"DAN 2.0 juga akan menambah baik aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan kepelbagaian baharu yang tahan perubahan iklim dan mampu mengeluarkan hasil yang tinggi.

"Selain daripada memperkukuhkan sistem kawalan, pemantauan dan pengawasan (MCS) dalam subsektor perikanan, penekanan khusus turut diberikan dalam subsektor industri asas tani dan keusahawanan agro seperti agro-kulinari dan agro-pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 (HPPNK 2019) di Angsana Mall di sini, semalam.

> *DAN 2.0 yang bakal dilancarkan pada 2021, akan meneruskan objektif dasar agro makanan sedia ada bagi menjamin keselamatan makanan.*
>
> *Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri*

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dr Wan Azizah berkata, pembangunan sektor agro makanan pada masa hadapan perlu mengambil kira kemampanan sumber asli dan alam sekitar serta memastikan semua rakyat mendapat sumber makanan yang mencukupi, berkhasiat dan mampu dibeli, selaras dengan tema Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 iaitu *Leaving No One Behind*.



*Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Zainal Abidin Yang Razali melawat gerai jualan pada HPPNK 2019 di Johor Bahru, semalam.*
[Foto Mohd Azren Jamaludin/BH]

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

*Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019*




Dr Wan Azizah bersama Salahuddin (tiga dari kiri) serta Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal (tiga dari kanan) pada majlis merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 di Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru, semalam. (Foto Mohd Azren Jamaludin /BH)



Osman penerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan dan Anugerah Perdana HPPNK 2019.

# Naratif baharu sektor pertanian depani IR4.0

## Industri bakal jadi tumpuan, kurangkan import makanan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru:** Malaysia perlu bersedia untuk menyediakan peluang pekerjaan baharu di negara ini yang menyaksikan sektor pertanian akan menjadi tumpuan, dinamik dan satu sumber rezeki baharu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pihaknya melihat potensi yang begitu jelas apabila hari ini Malaysia masih mengimport RM50 bilion bahan makanan.

Katanya, negara perlu bergerak pantas mengisi ruang pengimportan itu dengan memaksimumkan tanah pertanian dan tanah terbiar bagi mengurangkan imbangan perdagangan.

"Sudah sampai masanya Malaysia membuat naratif, melakar pendekatan baharu dengan menyaksikan kepantasan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Malaysia mesti bersedia untuk menyediakan peluang pekerjaan baharu yang menyaksikan pertanian akan menjadi tumpuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 (HPPNK 2019) yang disempurnakan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, beliau percaya HPPNK akan menghimpunkan semua pemain industri dan petani, selain mengetengahkan teknologi terkini yang boleh diguna pakai pihak berkaitan.

"Bagi kesekian kalinya saya ingin menyatakan pada majlis yang cukup berprestij ini bahawa kami di kementerian menganggap petani kita adalah wira negara dan mereka setaraf pasukan keselamatan yang mempertahankan kedaulatan tanah air.

"Petani adalah mereka yang mempertahankan keselamatan negara, maka dengan itu kita ingin menyatakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah benteng makanan negara," katanya.

> *Malaysia mesti bersedia untuk menyediakan peluang pekerjaan baharu yang menyaksikan pertanian akan menjadi tumpuan.*
>
> *Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

Pada majlis itu, penternak Osman Cheya Kutty dari Johor dinobatkan sebagai penerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan dan Anugerah Perdana HPPNK 2019 dengan membawa pulang wang tunai RM80,000.

HPPNK 2019 dengan tema 'Makanan Kita Masa Depan Kita' berlangsung selama empat hari bermula hari ini sehingga 1 Disember yang menampilkan 350 usahawan terdiri daripada peladang, penternak dan nelayan dari seluruh negara.

Penganjuran tahun ini menampilkan enam kluster aktiviti yang dijalankan sepanjang ekspo iaitu makanan dan minuman, gaya hidup, kesejateraan, hasil pertanian, agroteknologi dan pembangunan modal insan.



Orang ramai melawat pameran sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Sahut Dasar Makanan Negara

**PELBAGAI** usaha dilaksanakan bagi menyahut Dasar Makanan Negara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Khadijah berkata, antaranya adalah menawarkan pembiayaan dengan kadar kompetitif dan memberikan tumpuan kepada industri-industri tumpuan seperti sumber rezeki baharu dan industri yang masih rendah kadar sara diri (SSL) seperti daging lembu serta padi.

Menurutnya, pembiayaan yang ditawarkan Agrobank sangat sesuai untuk semua jenis aktiviti pertanian yang merangkumi keseluruhan rantaian nilai sektor pertanian seperti penternakan, perikanan, pemprosesan makanan dan lain-lain.

Beliau berkata, perkhidmatan Agrobank tidak hanya terhad kepada pembiayaan kewangan, malah turut berperanan memberi khidmat nasihat dan latihan kepada usahawan tani bagi membangunkan agropreneur berpotensi dan sedia ada melalui Program Pembangunan Usahawan (ADP).

Program ADP yang diperkenalkan pada 2013 merupakan satu inisiatif Agrobank bagi membantu usahawan mendalami aspek pengurusan perniagaan, kewangan dan teknikal.

Sehingga kini, Agrobank berjaya menganjurkan lebih 395 sesi latihan melibatkan lebih daripada 14,412 usahawan tani di seluruh Malaysia dalam sektor pertanian, penternakan, perikanan dan industri asas tani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |

# FAMA tawar 345 menu buat pengunjung

**Johor Bahru:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menawarkan 345 menu makanan dan minuman dari seluruh negara di kluster Empayar Makanan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini.

Semua menu yang disediakan 37 usahawan di bawah bimbingan FAMA itu menampilkan 28 gerai makanan dan minuman selain sembilan *foodtruck* meliputi cita rasa masakan setiap negeri dengan pelbagai masakan kampung yang amat menyelerakan, malah menjadi resipi turun-temurun yang diwarisi sejak bergenerasi.

Ketua Pengarah FAMA, Zainal Abidin Yang Razalli berkata, FAMA dipilih mengendalikan kluster



ZAINAL (tengah) melawat gerai jualan Empayar Makanan pada HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall.

yang paling utama dan diberi nama Empayar Makanan membabitkan usahawan seluruh negara bagi menonjolkan pelbagai menu etnik dan warisan dari setiap negeri di Malaysia.

"Semua gerai makanan dan minuman yang dipamerkan merangkumi produk popular dari Perlis hingga Sabah dan usahawan yang dipilih berdasarkan populariti makanan di sesebuah negeri.

"Tujuan kita membawa usahawan ini supaya pengunjung dapat menikmati produk makanan dan minuman yang didatangkan khas dari seluruh negara. Antaranya Mi Bandung Johor, Laksa Sarawak, Ikan Bakar Semporna dan pelbagai lagi," katanya.

Usahawan yang dipilih adalah yang biasa menyertai program anjuran FAMA manakala kira-kira 40 peratus adalah usahawan baharu.

Empayar Makanan turut menempatkan meja makan yang boleh menampung 900 hingga 1,000 pengunjung pada satu masa sehingga Ahad ini.

FAMA juga mengetengahkan konsep *Zero Waste Cooking* bagi memberi idea kepada usahawan dan pengunjung untuk menghasilkan produk tambahan atau produk nilai tambah daripada bahan mentah yang digunakan dan secara tidak langsung, konsep ini dapat mengurangkan pembaziran dalam penggunaan bahan mentah keluaran pertanian.

FAMA turut dipertanggungjawabkan mengendalikan Laman Jualan Segar yang menampilkan 45 lot jualan membabitkan 42 usahawan merangkumi jualan buah-buahan, sayur-sayuran, anak pokok, input pertanian, orkid, bunga serta ikan dan ternakan.

Zainal Abidin berkata, program konsep Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang mana peserta dari ladang kontrak dipilih untuk memasarkan hasil secara terus kepada pengguna.

"Kita menjanjikan harga antara lima hingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran dan berharap Laman Jualan Segar boleh memberikan satu motivasi kepada golongan muda untuk melihat potensi perniagaan dalam pertanian.

"Kami jangkakan sasaran nilai jualan HPPNK untuk Empayar Makanan dan Laman Jualan Segar kali ini sebanyak RM1 juta dengan kira-kira 500 hingga 1,000 usahawan baharu mendaftar untuk mendapatkan bimbingan FAMA," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

REAKSI



"Terdapat makanan popular dari negeri di seluruh Malaysia di Empayar Makanan. Saya beli makanan kesukaan saya iaitu keropok lekor yang rasanya sama seperti di Terengganu."

- Pelajar, Mohamad Radi Mohamad Sobri, 22



"Saya beli ubi kayu rebus ikan masin yang memang sukar nak dapat kerana tidak ramai peniaga menjualnya. Saya puji inisiatif penganjur HPPNK 2019 promosikan makanan dan minuman yang diusahakan peniaga kecil."

– Suri rumah, Hasanah Ilyas, 32

# Empayar Makanan bantu peniaga kecil jana pendapatan

**SELARI** dengan temanya, Makanan Masa Depan Kita, sebanyak 13 negeri bergabung dalam menonjolkan kepelbagaian rencah rasa dan budaya negeri HPPNK 2019 menerusi Empayar Makanan.

Terdapat seramai 37 pengusaha makanan termasuk peniaga *food truck* mempromosikan menu jualan masing-masing pada harga istimewa.

Pengusaha Perap Ceedap, Salina Aziz, 47, berkata, HPPNK 2019 memberikannya peluang untuk mempromosikan produk perapan yang diusahakannya sejak 10 tahun.

Menurutnya, dia menjual nasi rusa perap, nasi kambing perap, nasi sotong perap XL dan burger *homemade* daging, ayam serta kambing.

"Saya hanya berniaga di pasar tani dan ekspo anjuran agensi di bawah MOA, khususnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Program seperti HPPNK sangat membantu peniaga kecil seperti saya untuk memasarkan produk supaya lebih dikenali dan secara tidak langsung kami dapat menjana pendapatan," katanya.

Salina yang berasal dari Setapak, Kuala Lumpur dan baru pertama kali menyertai HPPNK dibantu oleh suaminya, Shamsul Azmi Abdul Karim, 47.

Sementara itu, minuman Avocado Shake yang diusahakan Muhd Hafizan Abdullah, 48, dari Taman Baiduri, Perling di sini antara menu yang menjadi tarikan di Empayar Makanan.

Katanya, dia sentiasa memanfaatkan peluang dan platform disediakan kerajaan bagi membantu peniaga kecil sepertinya.

"Sudah empat tahun saya usahakan perniagaan ini dan FAMA banyak bantu saya," katanya.



Salina berpeluang memasarkan produk perapan yang diusahakan sejak 10 tahun lalu menerusi Empayar Makanan sempena HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall di Johor Bahru semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Promosi produk Peladang

*Nafas turut menggerakkan kempen menabung saham DPK di HPPNK 2019*

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JOHOR BHARU

FOTO: ZAHID IZZANI



Ahmad menunjukkan produk keluaran ahli Nafas yang diberikan penjenamaan Peladang sempena sambutan HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall semalam.

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menampilkan produk jenama Peladang sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Johor Bahru Mall di sini semalam.

Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari berkata, pihaknya turut mengadakan promosi bagi barangan keluaran Peladang dan Nafas.

Menurutnya, sempena sambutan HPPNK pada tahun ini, Nafas turut membuka kaunter bagi menggerakkan kempen menabung dalam kalangan ahlinya.

"Selain pameran, Nafas turut mengambil kesempatan membuka kaunter bagi menggerakkan kempen melabur dalam Dana Peladang Kebangsaan (DPK) kepada ahli Peladang.

"Menerusi pelaburan dalam DPK, kita memberikan pulangan kepada wang yang dilaburkan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ahmad berkata, kini terdapat hampir 920,000 peladang telah mendaftar dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan kerajaan.

Menurutnya, pelbagai perancangan telah dibuat pada peringkat tertinggi Ahli Jemaah Pengarah Nafas untuk menceburi bidang berskala besar pada tahun depan.

"Antaranya bidang ekonomi pertanian berskala besar yang melibatkan beberapa kluster dalam keluaran produk ayam, produk ruminan, aktiviti trading dan aktiviti tanaman komoditi yang menjadi bahan kepada pengeluaran makanan haiwan.

"Ia aspek yang sedang dirancang secara teliti oleh Nafas bagi membantu masyarakat tani atau peladang di seluruh negara, sekali gus membantu kerajaan mengurangkan mengimport bahan pertanian," katanya.

Beliau turut meminta ahli Peladang aktif mengambil bahagian dalam bidang ekonomi pertanian untuk meningkatkan pendapatan daripada pengeluaran makanan yang menjadi tumpuan dalam industri pertanian.



AHMAD

*"Sempena sambutan HPPNK pada tahun ini, Nafas turut membuka kaunter DPK bagi menggerakkan kempen menabung dalam kalangan ahlinya."*

- Ahmad Shaari

## Tetapkan lima kluster baharu

**SEMENTARA** itu, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Dr Yaakob Sapari berkata, Nafas merupakan entiti perniagaan bagi peladang di seluruh negara.

Menurutnya, terdapat empat peringkat pertubuhan peladang termasuk Unit Peladang, Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

"Nafas merupakan jentera kerajaan untuk melaksanakan dasar negara. Nafas turut terlibat dengan aktiviti lain seperti perladangan, industri ayam, baja dan jentera.

"Namun, untuk masa depan Nafas menetapkan lima kluster baharu bagi memastikan dasar kerajaan dilaksanakan iaitu memastikan bekalan makanan mencukupi di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, di bawah kluster ayam, Nafas menyasarkan untuk membekalkan sebanyak 20 peratus bekalan ayam daging halal dalam pasaran.

Menurutnya, pihaknya turut menyasarkan seramai 400 usahawan ternak baharu dilahirkan oleh Nafas.

"Kita sasarkan mereka yang menyertai program kelolaan Nafas bakal memperoleh pendapatan sekitar RM20,000 sebulan.

"Kita menggalakkan anak muda terlibat dengan program-program tersebut. Untuk jadi petani tidak perlu kelayakan macam-macam, mereka tidak sekolah pun boleh menjadi petani. Graduan universiti dan artis pun boleh jadi petani.

"Sebelum ini orang menyangka pertanian sebagai orang miskin tapi kita buktikan hari ini ada jurutera, golongan profesional yang berhenti kerja libatkan diri dalam pertanian," katanya.

*"Kita sasarkan mereka yang sertai program kelolaan Nafas bakal memperoleh pendapatan sekitar RM20,000 sebulan."*

- Yaakob



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Tetapkan lima kluster baharu

SEMENTARA itu, Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Dr Yaakob Sapari berkata, Nafas merupakan entiti perniagaan bagi peladang di seluruh negara.

Menurutnya, terdapat empat peringkat pertubuhan peladang termasuk Unit Peladang, Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

"Nafas merupakan jentera kerajaan untuk melaksanakan dasar negara. Nafas turut terlibat dengan aktiviti lain seperti perladangan, industri ayam, baja dan jentera.

"Namun, untuk masa depan Nafas menetapkan lima kluster baharu bagi memastikan dasar kerajaan dilaksanakan iaitu memastikan bekalan makanan mencukupi di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, di bawah kluster ayam, Nafas menyasarkan untuk membekalkan sebanyak 20 peratus bekalan ayam daging halal dalam pasaran.

Menurutnya, pihaknya turut menyasarkan seramai 400 usahawan ternak baharu dilahirkan oleh Nafas.

"Kita sasarkan mereka yang menyertai program kelolaan Nafas bakal memperoleh pendapatan sekitar RM20,000 sebulan.

"Kita menggalakkan anak muda terlibat dengan program-program tersebut. Untuk jadi petani tidak perlu kelayakan macam-macam, mereka tidak sekolah pun boleh menjadi petani. Graduan universiti dan artis pun boleh jadi petani.

"Sebelum ini orang menyangka pertanian sebagai orang miskin tapi kita buktikan hari ini ada jurutera, golongan profesional yang berhenti kerja libatkan diri dalam pertanian," katanya.

> *Kita sasarkan mereka yang sertai program kelolaan Nafas bakal memperoleh pendapatan sekitar RM20,000 sebulan."*
> - Yaakob



DR. YAAKOB

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Perkenal peranan PPNJ

FOTO: ZAHID IZZANI



Mohd Rusdi (kanan) menunjukkan produk-produk yang dipromosikan sempena HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall semalam.

## PERTUBUHAN PELADANG NEGERI JOHOR

- PPNJ ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973.
- Tujuan utama penubuhan PPNJ adalah untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meningkatkan hasil dan pendapatan serta membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu-padu.
- Kegiatan utama PPNJ adalah dalam industri komoditi sawit yang melibatkan perladangan, perdagangan, perundingan, penyelidikan dan pemasaran.
- Aktiviti-aktiviti sokongan lain seperti aktiviti sosio ekonomi dan sosial termasuk pemasaran, kredit, latihan, perniagaantani, pengangkutan dan lain-lain saling melengkapi peranan utama PPNJ bagi memastikan ahli-ahli peladang terus mendapat sokongan dan bimbingan.

*Pelbagai aktiviti melibatkan syarikat induk, anak syarikat di HPPNK 2019*

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JOHOR BAHRU

Memperkenalkan peranan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) kepada masyarakat. Itu mesej yang mahu disampaikan pada pembukaan reruai PPNJ sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Johor Bahru Mall di sini bermula semalam.

Timbalan Pengurus Besar PPNJ, Mohd Rusdi Ghani berkata, menerusi platform HPPNK 2019, pihaknya berpeluang menyalurkan maklumat mengenai program dan aktiviti yang dijalankan melibatkan syarikat induk dan anak syarikat PPNJ.

Menurutnya, pihaknya juga ingin memaklumkan kepada umum mengenai hubungan kerjasama yang terjalin bersama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam usaha mengembangkan industri ayam daripada keluaran sebanyak lima peratus kepada 20 peratus dalam negara.

"Kini PPNJ mempunyai sebanyak 29 pertubuhan peladang dengan jumlah hampir 100,000 ahli. Kita galakkan ahli menggunakan teknologi.

"PPNJ menceburi pelbagai bidang dan kita didik golongan penternak supaya mencapai sebanyak 20 peratus pengeluaran ayam daging negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, Rusdi berkata, pada penganjuran HPPNK kali ini, turut terdapat pameran ayam baka dan penjualan pelbagai produk yang ditawar kepada pengunjung.

"Menariknya, kita ada promosi jus keluaran anak syarikat PPNJ. Pengunjung yang Like Facebook kami akan diberikan jus durian belanda secara percuma.

"Malah, kita juga pasarkan produk ayam dan makanan sejuk beku dengan harga promosi sempena HPPNK kali ini," katanya.



## Enam juta ekor ayam setahun

SEMENTARA itu, Pengurus Besar Medan Juara Sdn Bhd, Mohd Yazid Basirun berkata, anak syarikat PPNJ itu berkemampuan mengeluarkan sebanyak enam juta ekor anak ayam setahun.

Menurutnya, menerusi projek berkenaan, anak ayam yang menetas akan dijual kepada penternak untuk dibesarkan.

"Anak ayam ini kita bela daripada hari pertama sehingga berusia setahun tiga bulan. Pada usia enam bulan, ayam baka Cobb dan Ross akan mula bertelur.

"Sebanyak 70 peratus anak ayam dikeluarkan akan dijual kepada penternak dalam kalangan ahli peladang, jikaa ada lebihan baru dijual kepada orang ramai," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |



# Enam juta ekor ayam setahun

**SEMENTARA** itu, Pengurus Besar Medan Juara Sdn Bhd, Mohd Yazid Basirun berkata, anak syarikat PPNJ itu berkemampuan mengeluarkan sebanyak enam juta ekor anak ayam setahun.

Menurutnya, menerusi projek berkenaan, anak ayam yang menetas akan dijual kepada penternak untuk dibesarkan.

"Anak ayam ini kita bela daripada hari pertama sehingga berusia setahun tiga bulan. Pada usia enam bulan, ayam baka Cobb dan Ross akan mula bertelur.

"Sebanyak 70 peratus anak ayam dikeluarkan akan dijual kepada penternak dalam kalangan ahli peladang, jikaa ada lebihan baru dijual kepada orang ramai," katanya.

MOHD YAZID

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 1,2 |


Sinar harian
TELUS & TULUS

HPPNK 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN
TARIKH: 28 NOV - 1 DIS 2019
WAKTU: 10 PAGI HINGGA 10 MLM
LOKASI: angsana Johor Bahru Mall

UMAAT | 29 NOVEMBER 2019 | 2 RABIULAKHIR 1441H | BIL: 4621 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian Sinar.tv sinarharian RM1.20

HPPNK
HPPNK 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

Jom datang dan... Meriahkan...

@hppnk2019 #hppnk2019 #makanankitamasadepankita HPPNK 2019

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 1,2 |




# HPPNK 2019

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

| TARIKH | WAKTU | LOKASI |
|---|---|---|
| 28 NOVEMBER HINGGA 1 DISEMBER | 10 PAGI HINGGA 10 MLM | PADANG A & B angsana Johor Bahru Mall |

**PENUNJUK ARAH**

1
2
3
4
5
6
7
8
9

diuruskan oleh:

disokong oleh:

MADA KADA AGRO BANK

JUMAAT 29 NOVEMBER 2019 • SINAR HARIAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |








Pemangku Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar (tengah) menyampaikan hadiah kepada pengunjung yang membuat transaksi di kaunter Agrobank sempena HPPNK 2019.



Pengunjung menikmati pengisian aktiviti dan pengalaman pertanian di lapan ruang tapak utama HPPNK 2019 semalam.

# Pelbagai aktiviti di ekspo HPPNK 2019

FOTO: ZAHID IZZANI

ASMALIZA MANSOR

JOHOR BAHRU

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) sinonim dengan ekspo pameran dan jualan kedua terbesar di Malaysia selepas *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show* (MAHA).

Tahun ini pengunjung boleh menikmati pelbagai pengisian aktiviti dan pengalaman pertanian di lapan ruang tapak utama iaitu Pentas Budaya dan Senitani, Laman Mekanisasi, Laman Ternakan, Laman Perikanan, Laman Jualan Segar, Laman Empayar Makanan, Pameran Jabatan/Agensi dan Swasta serta Pemasaran Produk Industri Asas Tani.

Pameran jabatan, agensi dan swasta berasaskan pertanian juga tidak ketinggalan diadakan sepanjang empat hari HPPNK 2019 berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini.



Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Ahmad Shaari menunjukkan Coffee Bird Nest yang dipromosikan di HPPNK 2019.



Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) yang turut menyertai HPPNK 2019.



Pengunjung kanak-kanak melihat anak ayam yang dipamerkan di reruai PPNJ.



Ahmad Shaari (kanan) memberikan penerangan mengenai produk keluaran ahlinya yang diberikan [illegible]




Agrobank menampilkan Mini Bank Concept sempena HPPNK 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall sehingga Ahad ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |







JOM KE HPPNK 2019

# HPPNK 2019 promosi lebih 300 menu etnik

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JOHOR BAHRU

Lebih 300 menu juadah popular daripada pelbagai etnik dari seluruh negara dipromosikan di Empayar Makanan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Johor Bahru Mall yang berlangsung bermula semalam sehingga Ahad ini.

Menu etnik dan warisan daripada 13 negeri digabungkan yang akan menonjolkan kepelbagaian rencah rasa dan budaya.

Pelbagai menu yang didatangkan khas dan disatukan di bawah satu bumbung Empayar Makanan termasuklah puding raja, mee kolok dan latok, laksa, bihun sup, rendang tok, nasi lemak, masak lemak cili api, asam pedas, otak-otak, keropok lekor dan pelbagai kuih tradisional.



Nasi ayam adalah antara menu yang dijual di Empayar Makanan.

FOTO: ZAHID IZZANI



Menu barat turut dijual sepanjang HPPNK 2019 berlangsung.



Pengunjung menikmati pelbagai jenis menu yang ditawarkan.



Seorang penjual takoyaki menyiapkan pesanan pelanggan.



Avocado Shake antara minuman istimewa di Empayar Makanan.




Persembahan buskers turut menghiburkan pengunjung.




Empayar Makanan sempena HPPNK 2019 menyajikan lebih 300 menu juadah popular.



Ketupat palas antara makanan tradisional yang dipromosikan di Empayar Makanan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Terengganu may ban sale of all turtle eggs

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu government will look into the possibility of banning the sale of turtle eggs of all species in the state, said its Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim *(pix)*.

He said the sale of turtle eggs which was allowed in the state has given Terengganu a bad image.

"As stipulated in the Terengganu Turtles Enactment 1951 (Amendment 1987), only the sale of Leatherback turtle eggs is prohibited while eggs of other turtle species are allowed ... which is why we see them being sold in the Payang Market," he said outside the State Legislative Assembly yesterday.

"We have also received complaints from people who have questioned whether the Terengganu government has overlooked enforcement while the sale was not illegal," he said.

For the record, four of the world's seven species of turtles used to land in Terengganu annually. They are the Leatherback, Olive Ridley, Hawksbill and Green sea turtles. However, the last landing of a turtle in Terengganu was recorded in 2017.

Azman said that apart from studying the proposed ban on sale of turtle eggs, the state government would also look into the need to amend the enactment, especially with relation to fines and penalties for those who committed turtle-related offences. – Bernama



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/11/2019 | NEWSTRAITSTIMES | NEWS | 16 |

# Terengganu may ban sale of eggs of all turtle species

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu government will look into the possibility of banning the sale of eggs of all turtle species, said Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim.

He said the sale of turtle eggs had given Terengganu a bad image.

"As stipulated in the Terengganu Turtles Enactment 1951 (Amendment 1987), only the sale of leatherback turtle eggs is prohibited, while the sale of eggs of other turtle species is allowed. This is why we see them being sold in Payang Market.

"We have received complaints from people who questioned whether the state government has overlooked the enforcement (of the enactment)," he said at the Terengganu State Legislative Assembly Building yesterday.

For the record, four of the seven species of turtles in the world have been landing in Terengganu, namely, leatherback, olive ridley, hawksbill and green sea turtles. However, the last landing of a turtle in the state was in 2017.

Azman said apart from studying the proposed ban, the state government would also look into the need to amend the enactment, especially in relation to fines and penalties for those who committed turtle-related offences.

"The amendment was done a long time ago and some sections involving fines are not relevant as they are too low."

He said this prevented the enactment from curbing the crime.

"That is why I have directed the Fisheries Department to organise workshops with various parties in the industry, including legal practitioners and academics on the matter.

"The result of the workshop is in the form of a proposal for amendments, to be submitted to the state Legal Advisory Office for further review." **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/11/2019 | HARIAN METRO | WANITA METRO | 63,64 |



